

ORGANIZACIÓN MUNDIAL DEL COMERCIO

G/VAL/N/1/MYS/1
8 de junio de 2001

(01-2831)

Comité de Valoración en Aduana

Original: inglés


**NOTIFICACIÓN DE CONFORMIDAD CON EL ARTÍCULO 22 DEL
ACUERDO RELATIVO A LA APLICACIÓN DEL ARTÍCULO VII
DEL ACUERDO GENERAL SOBRE ARANCELES
ADUANEROS Y COMERCIO DE 1994**

MALASIA

Se ha recibido de la Misión Permanente de Malasia la siguiente comunicación, de fecha 16 de mayo de 2001.

Tengo el honor de transmitirle en nombre de Malasia la Ley de Aduanas de 1967 y el Reglamento de Aduanas (Normas de Valoración) de 1999 en su idioma original (Bahasa malasio) y en inglés.¹

¹ Únicamente en su idioma original y en inglés (impresos).



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 43
No. 26

24hb Disember 1999

TAMBAHAN No. 128
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 507.

AKTA KASTAM 1967

PERATURAN-PERATURAN KASTAM (KAEDAH PENILAIAN) 1999

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 142(35a) Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2000.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteks menghendaki makna yang lain:

“barang-barang yang sama” ertinya barang-barang yang diimport—

- (a) yang sama dari semua segi, termasuk ciri fizikal, mutu dan reputasi, sebagaimana barang-barang yang dinilai, kecuali perbezaan kecil dari segi rupa yang tidak menjejaskan nilai barang-barang itu;
- (b) yang dikeluarkan di negara barang-barang yang dinilai itu dikeluarkan; dan
- (c) yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak orang yang mengeluarkan barang-barang yang dinilai itu.

P.U. (A) 507.

2714

tetapi tidak termasuk barang-barang yang diimport jika kejuruteraan, kerja pembangunan, kerja seni, kerja reka, pelan atau lakaran yang dilakukan di Malaysia telah dibekalkan, secara langsung atau tidak langsung, oleh pembeli barang-barang yang diimport itu tanpa sebarang caj atau pada kos terkurang bagi kegunaan berhubungan dengan pengeluaran dan penjualan bagi eksport barang-barang yang diimport itu;

"barang-barang yang sama kelas atau jenis" ertinya barang-barang yang diimport—

- (a) yang terdiri daripada sesuatu kumpulan atau julat barang-barang yang diimport yang dikeluarkan oleh sesuatu industri atau sektor industri tertentu termasuk barang-barang yang sama atau barang-barang yang serupa berkenaan dengan barang-barang yang dinilai itu; dan
- (b) bagi maksud—
 - (i) peraturan 8, yang dikeluarkan di mana-mana negara dan dieksport dari mana-mana negara; dan
 - (ii) peraturan 9, yang dikeluarkan dan dieksport dari negara yang dalamnya dan darinya barang-barang yang dinilai itu dikeluarkan dan dieksport;

"barang-barang yang serupa" ertinya barang-barang yang diimport—

- (a) yang hampir menyerupai barang-barang yang dinilai berkenaan dengan bahan, komponen dan bahagian dan ciri dan secara fungsinya dan dari segi komersial boleh ditukar ganti dengan barang-barang yang dinilai itu dengan mengambil kira mutu dan reputasi barang-barang itu dan barang-barang yang dinilai itu;
- (b) yang dikeluarkan di negara barang-barang yang dinilai itu dikeluarkan; dan
- (c) yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak orang yang mengeluarkan barang-barang yang dinilai itu.

tetapi tidak termasuk barang-barang yang diimport jika kejuruteraan, kerja pembangunan, kerja seni, kerja reka, pelan atau lakaran yang dilakukan di Malaysia telah dibekalkan, secara langsung atau tidak langsung, oleh pembeli barang-barang yang diimport itu tanpa sebarang caj atau pada kos terkurang bagi kegunaan berhubungan dengan pengeluaran dan penjualan bagi eksport barang-barang yang diimport itu;

"harga yang dibayar atau kena dibayar" berkenaan dengan apa-apa barang, ertinya agregat semua amaun yang dibayar atau kena dibayar oleh pembeli kepada atau bagi faedah penjual berkenaan dengan barang-barang itu;

"maklumat yang mencukupi" berkenaan dengan penentuan apa-apa amaun, perbezaan atau pelarasan, ertinya maklumat yang objektif dan boleh ditentukan angkanya yang jelas menunjukkan ketepatan amaun, perbezaan atau pelarasan itu;

"mengeluar" termasuk menanam, membuat atau melombong;

"negara eksport" ertinya negara yang darinya barang-barang diangkut terus ke Malaysia atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, negara yang disifatkan darinya barang-barang itu diangkut;

"nilai campuran" ertinya nilai yang ditentukan di bawah peraturan 9;

"nilai minimum" ertinya nilai yang ditentukan terlebih awal di bawah peraturan 11 sebagai nilai terendah yang boleh diterima;

"nilai tolakan" ertinya nilai yang ditentukan di bawah peraturan 8;

"nilai urus niaga" ertinya nilai yang ditentukan di bawah peraturan 4 dan 5.

(2) Bagi maksud peraturan 4, jika tahap pertalian adalah berkaitan, dekatnya darah keturunan sampingan dalam pertalian itu hendaklah ditentukan dengan mengambil langkah, menaik atau menurun, atau dua langkah ke atas ke nenek moyang bersama dan menurun daripada nenek moyang sedemikian.

(3) Bagi maksud peraturan-peraturan 4, 6 dan 7, jualan barang-barang bagi eksport ke Malaysia adalah kontrak jualan terakhir sebelum pengimportan barang-barang itu ke Malaysia dan pembeli barang-barang sedemikian berada di Malaysia.

(4) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, orang hendaklah disifatkan sebagai mempunyai pertalian hanya jika:

- (a) mereka adalah pegawai atau pengarah perniagaan satu sama lain;
- (b) mereka diiktiraf di sisi undang-undang sebagai pekongsi dalam perniagaan;
- (c) mereka adalah majikan dan pekerja;
- (d) mana-mana orang yang secara langsung atau tidak langsung mempunyai, mengawal atau memegang lima peratus atau lebih saham atau syer pengundian yang diterbitkan oleh mereka berdua;
- (e) salah seorang daripada mereka secara langsung atau tidak langsung mengawal seorang yang satu lagi itu;
- (f) mereka berdua secara langsung atau tidak langsung dikuwal oleh orang ketiga;
- (g) mereka bersama-sama secara langsung atau tidak langsung mengawal orang ketiga; atau
- (h) mereka adalah ahli keluarga yang sama.

(5) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, orang hendaklah disifatkan sebagai ahli keluarga yang sama jika:

- (a) mereka dihubungkan melalui pertalian darah dalam tahap pertalian keempat;
- (b) mereka berkahwin dengan satu sama lain atau jika seseorang berkahwin dengan seseorang yang mempunyai pertalian dalam tahap pertalian keempat dengan orang itu; atau

P.U. (A) 507.

2716

- (c) seseorang telah dijadikan anak angkat seorang yang satu lagi atau sebagai anak kepada seseorang yang berada pada tahap pertalian ketiga dengan seorang yang satu lagi itu.

(6) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, jika tiada barang-barang yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak orang yang mengeluarkan barang-barang yang dinilai dan adalah barang-barang yang sama atau barang-barang yang serupa, barang-barang yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak orang yang berbeza dan adalah barang-barang yang sama atau barang-barang yang serupa hendaklah disifatkan sebagai barang-barang yang sama atau barang-barang yang serupa, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(7) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, caj bagi mengenakan bunga di bawah suatu pengaturan pembiayaan yang dibuat oleh pembeli dan berkenaan dengan pembelian barang-barang yang diimport tidak boleh dianggap sebagai sebahagian daripada nilai kastam dalam apa-apa hal jika:

- (a) caj dibezakan daripada harga yang sebenarnya dibayar atau kena dibayar bagi barang-barang itu;
- (b) barang-barang itu sebenarnya dijual pada harga yang diisytiharkan sebagaimana harga yang sebenarnya dibayar atau kena dibayar; dan
- (c) pembeli, jika dikehendaki, boleh menunjukkan bahawa—
 - (i) pengaturan pembiayaan itu dibuat secara bertulis; dan
 - (ii) kadar bunga yang dituntut tidak melebihi tahap bagi urus niaga sedemikian yang ada di negara, dan pada masa, pembiayaan itu diberikan.

Turutan pemakaian kaedah penilaian

3/ (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), nilai kastam barang-barang yang diimport hendaklah dinilai berdasarkan kepada nilai urus niaga barang-barang itu sebagai dasar utama penilaian sebagaimana yang dinyatakan di bawah peraturan 4.

(2) Jika pegawai kastam yang hak berpendapat bahawa nilai kastam barang-barang itu tidak dapat dinilai di bawah subperaturan (1) oleh kerana—

- (a) pegawai kastam yang hak itu mempunyai sebab untuk meragui kebenaran atau ketepatan nilai kastam yang diisytiharkan dan selepas meminta penjelasan lanjut atau keterangan lain bahawa nilai kastam yang diisytiharkan itu menggambarkan jumlah amaun yang sebenarnya dibayar atau kena dibayar bagi barang-barang yang diimport itu, pegawai kastam yang hak itu masih tidak berpuas hati bahawa nilai kastam boleh ditentukan di bawah peraturan 4; atau
- (b) jika apa-apa pelarasan di bawah peraturan 5 tidak dapat dibuat kerana kekurangan maklumat yang mencukupi,

maka pegawai kastam yang hak itu boleh menilai barang-barang itu berdasarkan kepada nilai pertama daripada nilai-nilai yang berikut sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (3).

(3) Turutan penilaian adalah seperti berikut—

- (a) nilai urus niaga barang-barang yang sama di bawah peraturan 6;
- (b) nilai urus niaga barang-barang yang serupa di bawah peraturan 7;
- (c) nilai tolakan barang-barang yang diimport di bawah peraturan 8; dan
- (d) nilai campuran barang-barang yang diimport di bawah peraturan 9.

(4) Walau apa pun subperaturan (2) dan (3), atas permintaan bertulis pembeli apa-apa barang-barang yang dinilai yang dibuat sebelum permulaan penilaian barang-barang itu, turutan mengambil kira nilai yang dirujuk dalam perenggan (3)(c) dan (d) hendaklah diterbalikkan.

(5) Jika pegawai kastam yang hak berpendapat bahawa salah satu kaedah yang disebutkan dalam perenggan (3)(a) hingga (d) tidak boleh menentukan apa-apa amaun, perbezaan atau pelarasan berkenaan dengan nilai kastam bagi barang-barang yang dinilai itu oleh sebab kekurangan maklumat yang mencukupi, kaedah penilaian tertentu itu tidak boleh menjadi dasar penilaian sedemikian.

(6) Jika tiada sebarang nilai boleh, sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (3)(a) hingga (d) menjadi suatu dasar penilaian bagi barang-barang itu, maka pegawai kastam yang hak itu boleh menilaikan barang-barang itu di bawah peraturan 10.

Nilai urus niaga sebagai dasar utama penilaian

4. (1) Nilai kastam barang-barang yang diimport adalah nilai urus niaganya, iaitu harga yang dibayar atau kena dibayar bagi barang-barang itu apabila dijual bagi eksport ke Malaysia, yang diselaraskan mengikut peraturan 5, dengan syarat bahawa:

- (a) tiada sekatan berkenaan dengan pelupusan atau penggunaan barang-barang itu oleh pembeli, selain sekatan yang—
 - (i) dikenakan oleh undang-undang;
 - (ii) mengehadkan kawasan geografi barang-barang itu boleh dijual semula; atau
 - (iii) tidak menjejaskan secara matannya nilai barang-barang itu;
- (b) penjualan barang-barang itu atau harga yang dibayar atau kena dibayar bagi barang-barang itu tidak tertakluk kepada syarat atau balasan yang nilainya tidak boleh ditentukan;
- (c) tiada buhagian daripada hasil daripada apa-apa penjualan semula, pelupusan atau penggunaan barang-barang itu kemudiannya oleh pembeli diakrukan, secara langsung atau tidak langsung, kepada penjual; atau
- (d) pembeli dan penjual barang-barang itu tidak mempunyai pertalian pada masa barang-barang itu dijual bagi eksport atau jika pembeli dan penjual mempunyai pertalian pada masa itu tetapi pegawai kastam yang hak berpuas hati bahawa pertalian mereka tidak mempengaruhi harga yang dibayar atau kena dibayar bagi barang-barang itu.

(2) Dalam sesuatu jualan antara orang yang mempunyai pertalian, bagi maksud menunjukkan bahawa pertalian itu tidak mempengaruhi nilai urus niaga, pembeli hendaklah mengemukakan keterangan bahawa nilai urus niaga barang-barang yang dinilai itu, dengan mengambil kira apa-apa faktor berkaitan termasuk faktor dan perbezaan sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan (4), lebih kurang sama dengan salah satu daripada nilai yang berikut barang-barang lain yang dieksport pada masa itu atau secara matannya pada masa yang sama sebagaimana barang-barang yang dinilai itu, yang menjadi—

- (a) nilai urus niaga barang-barang yang sama atau barang-barang yang serupa berkenaan dengan jualan barang-barang itu bagi eksport ke Malaysia antara seseorang penjual dan pembeli yang tidak mempunyai pertalian pada masa jualan itu;
- (b) nilai tolakan barang-barang yang sama atau barang-barang yang serupa; atau
- (c) nilai campuran barang-barang yang sama atau barang-barang yang serupa.

(3) Dalam apa-apa hal jika pegawai kastam yang hak berpendapat bahawa pertalian antara pembeli dan penjual apa-apa barang mempengaruhi harga yang dibayar atau kena dibayar bagi barang-barang itu, pegawai kastam yang hak itu hendaklah memaklumkan kepada pembeli itu, secara bertulis jika diminta, mengenai alasan yang dengannya pegawai kastam yang hak itu telah berpendapat sedemikian, dan hendaklah memberi peluang yang munasabah kepada pembeli itu untuk memuaskan hati pegawai kastam yang hak yang berkenaan bahawa pertalian sedemikian tidak mempengaruhi harga barang-barang itu

(4) Jika subperaturan (2) terpakai, pembeli itu hendaklah, tanpa mengehendkan secara amnya subperaturan (2), memberi maklumat yang berikut—

- (a) sifat barang-barang yang dinilai itu;
- (b) sifat industri yang mengeluarkan barang-barang yang dinilai itu;
- (c) musim barang-barang yang dinilai itu diimport;
- (d) sama ada sesuatu perbezaan nilai adalah penting dari segi komersial;
- (e) tahap dagangan jualan dilakukan;
- (f) tahap kuantiti jualan;
- (g) mana-mana amaun yang dirujuk dalam peraturan 5; dan
- (h) kos, caj atau perbelanjaan yang ditanggung oleh seseorang penjual apabila penjual itu menjual kepada seseorang pembeli yang tidak mempunyai pertalian dengannya yang tidak ditanggung oleh penjual itu apabila penjual itu menjual kepada seseorang pembeli yang mempunyai pertalian dengannya.

Pelarasan harga yang dibayar atau kena dibayar

5. (1) Dalam menentukan nilai urus niaga barang-barang yang diimport di bawah peraturan 4, harga yang dibayar atau kena dibayar bagi barang-barang itu hendaklah diselaraskan:

(a) dengan menambah kepadanya amaun, jika amaun itu belum lagi dimasukkan dalam harga yang dibayar atau kena dibayar bagi barang-barang itu, yang ditentukan atas dasar maklumat yang mencukupi, bersamaan dengan—

- (i) komisen dan brokeraj berkenaan dengan barang-barang itu yang ditanggung oleh pembeli, selain fi yang dibayar atau kena dibayar oleh pembeli itu kepada ejen pembeli bagi perkhidmatan mewakili pembeli itu di luar negara berkenaan dengan pembelian barang-barang itu;
- (ii) kos dan caj pembungkusan yang ditanggung oleh pembeli berkenaan dengan barang-barang itu, termasuk kos karton, kotak dan bekas dan penutup lain yang dianggap bagi maksud kastam sebagai sebahagian daripada barang-barang itu dan semua perbelanjaan pembungkusan yang berkaitan dengan peletakkan barang-barang dalam keadaan barang-barang itu diangkut ke Malaysia;
- (iii) nilai daripada mana-mana barang-barang dan perkhidmatan yang berikut:
 - (A) bahan, komponen, bahagian dan benda lain yang dimasukkan dalam barang-barang itu;
 - (B) alat-alat, dai, acuan dan benda lain yang digunakan dalam pengeluaran barang-barang itu;
 - (C) bahan yang digunakan dalam pengeluaran barang-barang itu; dan
 - (D) kejuruteraan, kerja pembangunan, kerja seni, kerja reka, pelan dan lakaran yang dilakukan selain di Malaysia dan perlu bagi pengeluaran barang-barang itu.

yang ditentukan di bawah subperaturan (2) yang dibekalkan, secara langsung atau tidak langsung, oleh pembeli tanpa sebarang caj atau pada kos terkurang bagi kegunaan berhubungan dengan pengeluaran dan penjualan bagi eksport barang-barang itu, yang dibahagikan kepada barang-barang itu dengan cara yang munasabah, dan menurut prinsip perakaunan yang diterima secara amnya;

- (iv) royalti dan fi lesen, termasuk bayaran bagi paten, cap dagangan dan hak cipta berkenaan dengan barang-barang itu yang mesti dibayar oleh pembeli, secara langsung atau tidak langsung, sebagai suatu syarat penjualan barang-barang itu bagi eksport ke Malaysia, tidak termasuk caj bagi mendapatkan hak untuk mengeluarkan semula barang-barang itu di Malaysia;

P.U. (A) 507.

2720

-
- (v) nilai apa-apa bahagian daripada hasil daripada apa-apa penjualan semula, pelupusan atau penggunaan barang-barang itu kemudiannya oleh pembeli yang terakru atau akan terakru, secara langsung atau tidak langsung, kepada penjual;
 - (vi) nilai apa-apa bahan, komponen, bahagian dan benda lain yang dimasukkan dalam barang-barang itu bagi maksud pembaikan, atau pembaharuan, barang-barang itu sebelum pengimportan barang-barang itu ke Malaysia, dan harga yang dibayar bagi perkhidmatan atau pembaikan atau pembaharuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
 - (vii) kos pengangkutan dan insurans, dan caj pemuatan, pemunggahan dan pengendalian dan caj dan perbelanjaan lain yang dikaitkan dengan pengangkutan, barang-barang itu hingga barang-barang itu telah tiba di negara pembelian;
- (b) dengan menolak daripadanya amaun, jika amaun itu telah dimasukkan dalam harga yang dibayar atau kena dibayar bagi barang-barang itu, bersamaan dengan mana-mana kos, caj atau perbelanjaan yang berikut:
- (i) apa-apa kos, caj atau perbelanjaan yang munasabah yang ditanggung bagi pembuatan, pembinaan, pemasangan atau penyenggaraan, atau bantuan teknik yang diberikan berkenaan dengan barang-barang itu selepas barang-barang itu diimport;
 - (ii) apa-apa kos, caj atau perbelanjaan yang munasabah yang ditanggung berkenaan dengan pengangkutan atau insurans barang-barang itu dalam Malaysia dan apa-apa kos, caj atau perbelanjaan yang munasabah yang berkaitan dengannya; dan
 - (iii) apa-apa duti kastam atau cukai lain yang kena dibayar di Malaysia disebabkan pengimportan atau penjualan barang-barang itu,
- jika kos, caj, perbelanjaan, duti atau cukai lain itu dikenal pasti secara berasingan daripada baki harga yang dibayar atau kena dibayar bagi barang-barang itu;
- (c) berkenaan dengan media pembawa yang mengandungi data atau arahan, dengan menolak nilai data atau arahan itu daripada harga yang dibayar atau kena dibayar bagi barang-barang itu jika:
- (i) nilai data atau arahan itu dibezakan daripada kos atau nilai pembawa media itu; dan
 - (ii) data atau arahan itu tidak dimasukkan dalam peralatan pemprosesan data.

(2) Nilai barang-barang dan perkhidmatan yang diperihalkan dalam subperenggan (1)(a)(iii) hendaklah ditentukan—

(a) dalam hal bahan, komponen, bahagian dan benda lain yang dimasukkan dalam barang-barang yang dinilai atau apa-apa bahan yang digunakan dalam pengeluaran barang-barang yang dinilai:

(i) dengan menentukan—

- (A) kos pemerolehannya jika yang sedemikian itu diperolehi oleh pembeli daripada seseorang yang tidak mempunyai pertalian dengan pembeli itu pada masa pemerolehannya;
- (B) kos pemerolehannya ditanggung oleh orang yang mempunyai pertalian dengan pembeli, jika barang-barang itu diperolehi oleh pembeli itu daripada seseorang yang mempunyai pertalian dengan pembeli itu pada masa pemerolehannya tetapi tidak mengeluarkannya; atau
- (C) kos pengeluarannya jika dikeluarkan oleh pembeli atau seseorang yang mempunyai pertalian dengan pembeli itu pada masa pengeluarannya;

(ii) dengan menambah kepadanya—

- (A) kos pengangkutannya ke tempat pengeluaran barang-barang yang dinilai itu; dan
- (B) nilai yang ditambah kepadanya oleh apa-apa pembaikan atau pengubahsuaian yang dibuat kepadanya selepas barang-barang itu diperolehi atau dikeluarkan;

(b) dalam hal alat-alat, dai, acuan dan benda lain, yang digunakan dalam pengeluaran barang-barang yang dinilai mengikut subperenggan (2)(a)(i) dan (ii) dan dengan menolak daripadanya suatu amaun untuk mengambil kira apa-apa penggunaan barang-barang itu sebelumnya yang dibuat selepas barang-barang itu diperolehi atau dikeluarkan; dan

(c) dalam hal kejuruteraan, kerja pembangunan, kerja seni, kerja reka, pelan dan lakaran yang dilakukan selain di Malaysia dan perlu bagi pengeluaran barang-barang yang dinilai itu dengan menentukan:

- (i) kos pemerolehannya atau pajakannya, jika yang sedemikian itu diperolehi atau dipajak oleh pembeli daripada seseorang yang tidak mempunyai pertalian dengan pembeli itu pada masa barang-barang itu diperolehi atau dipajak dan secara amnya tidak boleh didapati oleh orang ramai;
- (ii) kos pemerolehannya atau pajakannya ditanggung oleh orang yang mempunyai pertalian dengan pembeli, jika yang sedemikian itu diperolehi atau dipajak oleh pembeli itu daripada seseorang yang mempunyai pertalian dengan pembeli itu pada masa barang-barang itu diperolehi atau dipajak, tetapi tidak mengeluarkannya dan secara amnya tidak boleh didapati oleh orang ramai;

P.U. (A) 507.

2722

- (iii) kos kepada orang ramai untuk memperolehnya jika barang-barang itu secara amnya boleh didapati oleh orang ramai; dan
- (iv) kos pengeluaran jika barang-barang itu dikeluarkan oleh pembeli atau seseorang yang mempunyai pertalian dengan pembeli itu pada masa pengeluarannya.

(3) Bagi maksud perenggan (1)(c)—

“data atau arahan” tidak termasuk rakaman bunyi, sinematik atau video;

“media pembawa” tidak termasuk litar bersepadu, semi konduktor dan peranti, atau benda yang serupa yang memasukkan litar atau peranti sedemikian.

Nilai urus niaga barang-barang yang sama sebagai nilai kastam

6. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), (3) dan (4), jika nilai kastam barang-barang yang diimport tidak dapat ditentukan di bawah peraturan 4, nilai kastam barang-barang itu adalah nilai urus niaga barang-barang yang sama berkenaan dengan jualan barang-barang itu bagi eksport ke Malaysia jika—

- (a) nilai urus niaga itu adalah nilai kastam barang-barang yang sama; dan
- (b) barang-barang yang sama itu dieksport pada masa atau secara matannya pada masa yang sama sebagaimana barang-barang yang dinilai itu dan dijual di bawah syarat-syarat yang berikut:
 - (i) kepada seseorang pembeli pada tahap dagangan atau secara matannya pada tahap dagangan yang sama sebagaimana pembeli barang-barang yang dinilai itu; dan
 - (ii) dalam kuantiti atau secara matannya dalam kuantiti yang sama sebagaimana barang-barang yang dinilai itu.

(2) Jika nilai kastam barang-barang yang diimport itu tidak dapat ditentukan di bawah subperaturan (1) kerana barang-barang yang sama tidak dijual di bawah syarat-syarat yang diperihalkan dalam perenggan (1)(a) dan (b), maka hendaklah digantikan baginya, barang-barang yang sama yang dijual di bawah mana-mana syarat yang berikut—

- (a) kepada seseorang pembeli pada tahap dagangan atau secara matannya pada tahap dagangan yang sama sebagaimana pembeli barang-barang yang dinilai itu tetapi dalam kuantiti berbeza daripada kuantiti barang-barang yang sedemikian dijual;
- (b) kepada seseorang pembeli pada tahap dagangan yang berbeza dengan pembeli barang-barang yang dinilai itu tetapi dalam kuantiti atau secara matannya dalam kuantiti yang sama sebagaimana kuantiti barang-barang yang sedemikian dijual; atau
- (c) kepada seseorang pembeli pada tahap dagangan yang berbeza daripada pembeli barang-barang yang dinilai itu dan dalam kuantiti berbeza daripada kuantiti barang-barang sedemikian yang dijual.

(3) Bagi maksud menentukan nilai kastam barang-barang yang diimport di bawah subperaturan (1) atau (2), nilai urus niaga barang-barang yang sama hendaklah diselaraskan dengan menambah kepadanya atau menolak daripadanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, amaun bagi mengambil kira—

- (a) perbezaan komersial yang ketara antara kos, caj dan perbelanjaan yang dirujuk dalam subperenggan 5(1)(a)(vii) berkenaan dengan barang-barang yang sama itu dan kos, caj dan perbelanjaan berkenaan dengan barang-barang yang dinilai itu yang boleh disandarkan kepada perbezaan dalam jarak dan kaedah pengangkutan;
- (b) perbezaan dalam tahap dagangan pembeli barang-barang yang sama itu dengan barang-barang yang dinilai itu atau kuantiti barang-barang yang sama itu dengan barang-barang yang dinilai itu yang dijual atau kedua-duanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika nilai urus niaga adalah berkenaan dengan barang-barang yang sama yang dijual di bawah salah satu daripada syarat-syarat yang dipertihalkan dalam perenggan (2)(a), (b) atau (c).

jika setiap amaun boleh, pada pendapat pegawai kastam yang hak, ditentukan atas dasar maklumat yang mencukupi.

(4) Jika berkenaan dengan barang-barang yang diimport yang dinilai, terdapat dua nilai urus niaga atau lebih barang-barang yang sama yang memenuhi semua kehendak sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (1), (2) atau (3), nilai kastam barang-barang yang dinilai hendaklah ditentukan atas dasar nilai urus niaga sedemikian yang terendah.

Nilai urus niaga barang-barang yang serupa sebagai nilai kastam

7. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), jika nilai kastam barang-barang yang diimport tidak dapat ditentukan di bawah peraturan 6, nilai kastam barang-barang itu adalah nilai urus niaga barang-barang yang serupa berkenaan dengan jualan barang-barang itu bagi eksport ke Malaysia jika—

- (a) nilai urus niaga adalah nilai kastam barang-barang yang serupa; dan
- (b) barang-barang yang serupa itu dieksport pada masa atau secara matannya pada masa yang sama sebagaimana barang-barang yang dinilai dan dijual di bawah syarat-syarat yang berikut:
 - (i) kepada seseorang pembeli pada tahap dagangan atau secara matannya pada tahap dagangan yang sama sebagaimana pembeli barang-barang yang dinilai itu; dan
 - (ii) dalam kuantiti atau secara matannya dalam kuantiti yang sama sebagaimana barang-barang yang dinilai itu.

(2) Subperaturan 6(2), (3) dan (4) hendaklah terpakai kepada peraturan ini secara *mutatis mutandis*.

Nilai tolakan sebagai nilai kastam

8. (1) Tertakluk kepada subperaturan 3(2) dan (3), jika nilai kastam tidak dapat ditentukan di bawah peraturan 7, nilai kastam barang-barang itu adalah nilai tolakan berkenaan dengan barang-barang itu:

P.U. (A) 507.

2724

(2) Jika barang-barang yang dinilai atau barang-barang yang sama atau barang-barang yang serupa itu dijual di Malaysia dalam keadaan barang-barang itu diimport pada masa atau secara matannya pada masa yang sama sebagaimana masa pengimportan barang-barang yang dinilai itu, nilai tolakan barang-barang yang dinilai itu adalah harga setiap unit berkenaan dengan penjualan yang diperihalkan dalam subperaturan (5), ditentukan mengikut subperaturan itu dan diselaraskan mengikut subperaturan (6), pada kadar bilangan unit terbanyak barang-barang yang dinilai atau barang-barang yang sama atau barang-barang yang serupa itu dijual.

(3) Jika barang-barang yang dinilai atau barang-barang yang sama atau barang-barang yang serupa itu dijual di Malaysia dalam keadaan barang-barang itu diimport sebelum luputnya 90 hari selepas pengimportan barang-barang yang dinilai itu tetapi tidak dijual pada masa atau secara matannya pada masa yang sama sebagaimana masa pengimportan itu, nilai tolakan barang-barang yang dinilai itu adalah harga setiap unit berkenaan dengan penjualan yang diperihalkan dan ditentukan dalam subperaturan (5) dan diselaraskan mengikut subperaturan (6), pada kadar bilangan unit terbanyak barang-barang yang dinilai atau barang-barang yang sama atau barang-barang yang serupa itu dijual pada tarikh terawal selepas pengimportan barang-barang yang dinilai itu.

(4) Jika barang-barang yang dinilai atau barang-barang yang sama atau barang-barang yang serupa itu dijual di Malaysia selepas dipasang, dibungkus atau diproses selanjutnya di Malaysia dijual di Malaysia sebelum luput 90 hari selepas pengimportan barang-barang itu dan pengimport barang-barang yang dinilai itu meminta supaya subperaturan ini dipakai dalam penentuan nilai kastam barang-barang itu, nilai tolakan barang-barang yang dinilai itu adalah harga setiap unit berkenaan dengan penjualan yang diperihalkan dan ditentukan dalam subperaturan (5) dan diselaraskan mengikut subperaturan (6), pada kadar bilangan unit terbanyak barang-barang yang dinilai atau barang-barang yang sama atau barang-barang yang serupa itu dijual pada tarikh terawal selepas pengimportan barang-barang yang dinilai itu.

(5) Bagi maksud subperaturan (2), (3) dan (4), harga setiap unit berkenaan dengan apa-apa barang-barang yang dinilai atau barang-barang yang sama atau barang-barang yang serupa, hendaklah ditentukan dengan menentukan harga unit berkenaan dengan transaksi penjualan pertama barang-barang itu selepas pengimportannya kepada orang yang—

- (a) tidak mempunyai pertalian dengan orang yang daripadanya mereka membeli barang-barang itu pada masa barang-barang itu dijual kepada mereka; dan
- (b) tidak membekalkan, secara langsung atau tidak langsung, tanpa sebarang caj atau pada kos berkurang bagi kegunaan berhubungan dengan pengeluaran dan penjualan bagi eksport barang-barang itu, mana-mana daripada barang-barang atau perkhidmatan yang dirujuk dalam subperenggan 5(1)(a)(iii).

pada kadar bilangan unit terbanyak barang-barang itu dijual jika, pada pendapat pegawai kastam yang hak, bilangan jualan sedemikian yang mencukupi telah dibuat bagi membolehkan suatu penentuan harga setiap unit barang-barang itu dilakukan.

(6) Bagi maksud subperaturan (2), (3) dan (4), harga setiap unit berkenaan dengan barang-barang yang dinilai atau barang-barang yang sama atau barang-barang yang serupa itu, hendaklah diselaraskan dengan menolak daripadanya suatu amaun bersamaan dengan agregat—

(a) suatu amaun, yang ditentukan mengikut subperaturan (7), bersamaan dengan:

(i) amaun komisen yang secara amnya diperoleh atas dasar suatu unit; atau

(ii) amaun keuntungan dan perbelanjaan am, termasuk segala kos pemasaran barang-barang itu, yang diambil kira bersama-sama secara keseluruhannya, yang ditunjukkan secara amnya atas dasar suatu unit,

berhubungan dengan jualan barang-barang yang sama kelas atau jenis di Malaysia sebagaimana barang-barang sedemikian:

(b) kos, caj dan perbelanjaan yang munasabah yang ditanggung berkenaan dengan pengangkutan atau insurans barang-barang itu dalam Malaysia dan kos, caj dan perbelanjaan yang munasabah yang berkaitan dengannya jika amaun bagi kos, caj dan perbelanjaan sedemikian tidak ditolak berkenaan dengan perbelanjaan am di bawah perenggan (a);

(c) apa-apa duti kastam atau cukai lain yang kena dibayar di Malaysia disebabkan pengimportan atau penjualan barang-barang itu, jika suatu amaun bagi duti dan cukai sedemikian tidak ditolak berkenaan dengan perbelanjaan am di bawah perenggan (a); dan

(d) jika subperaturan (4) terpakai, amaun nilai yang ditambah kepada barang-barang itu boleh disandarkan kepada pemasangan, pembungkusan atau proses selanjutnya barang-barang itu di Malaysia, jika amaun itu ditentukan, pada pendapat pegawai kastam yang hak, atas dasar maklumat yang mencukupi.

(7) Amaun yang diambil kira bersamaan dengan amaun komisen atau amaun bagi keuntungan dan perbelanjaan am yang dirujuk dalam perenggan (6)(a) hendaklah dihitung atas dasar peraturan dan ditentukan atas dasar maklumat yang mencukupi yang disediakan oleh atau bagi pihak pengimport barang-barang yang dinilai itu dengan cara yang selaras dengan prinsip perakaunan yang diterima secara amnya.

(8) Bagi maksud subperaturan (7), jika maklumat yang diberikan oleh atau bagi pihak pengimport barang-barang yang dinilai itu tidak mencukupi, pegawai kastam yang hak itu boleh menjalankan suatu pemeriksaan penjualan di Malaysia terhadap kumpulan atau julat yang paling terhad barang-barang yang sama kelas atau jenis sebagaimana barang-barang yang dinilai itu yang daripadanya maklumat yang mencukupi boleh diperolehi pada pendapat pegawai kastam yang hak.

P.U. (A) 507.

2726

Nilai campuran sebagai nilai kastam

9. (1) Tertakluk kepada subperaturan 3(2) dan (3), jika nilai kastam barang-barang yang diimport tidak dapat ditentukan di bawah peraturan 8, nilai kastam barang-barang itu adalah nilai campuran berkenaan dengan barang-barang itu.

(2) Nilai campuran barang-barang yang dinilai adalah agregat amaun yang bersamaan dengan—

(a) kos, caj dan perbelanjaan yang ditanggung berkenaan dengan, atau nilai,:

- (i) bahan yang digunakan dalam mengeluarkan barang-barang yang dinilai itu; dan
- (ii) pengeluaran atau pemprosesan lain barang-barang yang dinilai itu,—

yang ditentukan atas dasar—

(A) akaun komersial pengeluaran barang-barang yang dinilai itu; atau

(B) apa-apa maklumat lain yang mencukupi berkenaan dengan pengeluaran barang-barang yang dinilai itu.

yang dibekalkan oleh atau bagi pihak pengeluar barang-barang itu dan disediakan dengan cara yang selaras dengan prinsip perakaunan yang diterima secara amnya negara pengeluar barang-barang yang dinilai itu, termasuk, tanpa mengandakkan secara amnya yang terdahulu—

(aa) kos, caj dan perbelanjaan yang dirujuk dalam subperenggan 5(1)(a)(ii);

(bb) nilai apa-apa barang-barang dan perkhidmatan yang dirujuk dalam subperenggan 5(1)(a)(iii) dan (vi), ditentukan dan dibahagikan kepada barang-barang yang dinilai itu sebagaimana yang dirujuk dalam peraturan itu, sama ada barang-barang dan perkhidmatan itu telah dibekalkan tanpa sebarang caj atau pada kos terkurang;

(cc) kos, caj dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pengeluar berkenaan dengan kejuruteraan, pembangunan, kerja seni, kerja reka, pelan atau lakaran yang dilakukan di Malaysia yang dibekalkan, secara langsung atau tidak langsung, oleh pengimport barang-barang yang dinilai itu bagi kegunaan berhubungan dengan pengeluaran dan penjualan bagi eksport barang-barang itu setakat elemen sedemikian dicajkan kepada pengeluar barang-barang itu, yang dibahagikan kepada barang-barang yang dinilai itu sebagaimana yang dirujuk dalam subperenggan 5(1)(a)(iii);

(b) amaun yang ditentukan mengikut subperaturan (4), bagi keuntungan dan perbelanjaan am, yang diambil kira bersama-sama secara keseluruhannya, yang ditunjukkan secara amnya dalam penjualan bagi

eksport ke Malaysia barang-barang yang sama kelas atau jenis sebagaimana barang-barang yang dinilai itu, yang dibuat atau ditanggung oleh pengeluar barang-barang itu kepada pengimport di Malaysia yang tidak mempunyai pertalian dengan pengeluar itu yang daripadanya pengimport membeli barang-barang itu pada masa barang-barang itu dijual kepada mereka.

(3) Bagi maksud peraturan ini, "perbelanjaan am" ertinya kos, caj dan perbelanjaan yang langsung dan tidak langsung dalam pengeluaran dan penjualan barang-barang bagi eksport selain kos, caj dan perbelanjaan yang dirujuk dalam perenggan (2)(a).

(4) Amaun keuntungan dan perbelanjaan am yang dirujuk dalam perenggan (2)(b) hendaklah dihitung atas dasar peratusan dan ditentukan atas dasar maklumat yang mencukupi yang disediakan oleh atau bagi pihak pengimport barang-barang yang dinilai itu dengan cara yang selaras dengan prinsip perakaunan yang diterima secara amnya negara pengeluaran barang-barang yang dinilai itu.

(5) Bagi maksud subperaturan (4), jika maklumat yang dibekalkan oleh atau bagi pihak pengimport barang-barang yang dinilai itu tidak mencukupi, pegawai kastam yang hak itu boleh menjalankan suatu pemeriksaan penjualan di Malaysia terhadap kumpulan atau julat yang paling terhad barang-barang yang sama kelas atau jenis sebagaimana barang-barang yang dinilai itu yang daripadanya maklumat yang mencukupi boleh diperolehi pada pendapat pegawai kastam yang hak.

Penilaian anjal dibenarkan

10.. (1) Jika nilai kastam barang-barang yang diimport tidak dapat ditentukan di bawah peraturan 4 hingga 9, nilai kastam hendaklah ditentukan dengan maklumat yang ada di Malaysia atas dasar nilai yang didapati daripada kaedah penilaian yang dinyatakan dalam peraturan 4 hingga 9 yang ditafsirkan dengan cara yang anjal dan secara munasabahny diselaraskan setakat yang perlu untuk mendapatkan nilai kastam barang-barang itu.

(2) Suatu nilai kastam tidaklah boleh ditentukan atas dasar—

- (a) harga jualan di Malaysia barang-barang yang dikeluarkan di Malaysia;
- (b) suatu sistem yang memperuntukkan penerimaan nilai tertinggi antara dua nilai pilihan;
- (c) harga barang-barang di pasaran tempatan negara pengeluar;
- (d) kos pengeluaran, selain nilai campuran yang telah ditentukan bagi barang-barang yang sama atau barang-barang yang serupa mengikut peraturan 9;
- (e) harga barang-barang bagi eksport ke negara selain Malaysia, melainkan jika barang-barang itu diimport ke Malaysia;
- (f) nilai kastam minimum; atau
- (g) nilai arbitrari atau rekaan.

P.U. (A) 507.

2728

Nilai minimum

11. Walau apa pun apa-apa peruntukan lain di bawah Peraturan-Peraturan ini, Menteri boleh menetapkan suatu nilai minimum ke atas barang-barang yang diimport.

Penjelasan bertulis mengenai kaedah penilaian atas permintaan bertulis pengimport

12. Pengimport hendaklah mempunyai hak, atas permintaan bertulis, mendapatkan penjelasan secara bertulis daripada pegawai kastam yang hak mengenai bagaimana nilai kastam barang-barang yang diimportnya ditentukan.

Kadar pertukaran

13. (1) Nilai kastam barang-barang yang diimport hendaklah dihitung dalam Ringgit Malaysia dan apa-apa penukaran wang untuk menentukan nilai kastam hendaklah berdasarkan kepada kadar pertukaran yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Kadar penukaran wang adalah kadar yang berkuat kuasa pada masa ditiada dikenakan.

Dibuat 21 Disember 1999.

[Sulit KE. HE. (96) 667/07-16; Perb. 0.9060/62 (SK. 2); PN(PU)580]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan,

CHAN KONG CHOY
Timbalan Menteri Kewangan

CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS (RULES OF VALUATION) REGULATIONS 1999

In exercise of the powers conferred by subsection 142(35a) of the Customs Act 1967 [Act 235], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the Customs (Rules of Valuation) Regulations 1999.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2000.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“computed value” means the value determined under regulation 9;

"country of export" means the country from which the goods are transported directly to Malaysia or, as the case may be, the country from which the goods are deemed to be transported;

"deductive value" means the value determined under regulation 8;

"goods of the same class or kind" means imported goods that—

- (a) are within a group or range of imported goods produced by a particular industry or industry sector that includes identical goods or similar goods in relation to the goods being valued; and
- (b) for the purposes of—
 - (i) regulation 8, were produced in any country and exported from any country; and
 - (ii) regulation 9, were produced in and exported from the country in and from which the goods being valued were produced and exported;

"identical goods" means imported goods that—

- (a) are the same in all aspects, including physical characteristics, quality and reputation, as the goods being valued, except for minor differences in appearance that do not affect the value of the goods;
- (b) were produced in the country in which the goods being valued were produced; and
- (c) were produced by or on behalf of the person who produced the goods being valued,

but does not include imported goods where engineering, development work, artwork, design work, plans or sketches undertaken in Malaysia were supplied, directly or indirectly, by the buyer of those imported goods free of charge or at a reduced cost for use in connection with the production and sale for export of those imported goods;

"minimum value" means a value which is predetermined under regulation 11 as the lowest acceptable value;

"price paid or payable" in relation to any goods, means the aggregate of all amounts paid or payable by the buyer to or for the benefit of the seller in respect of the goods;

"produce" includes grow, manufacture or mine;

"similar goods" means imported goods that—

- (a) closely resemble the goods being valued in respect of materials, components and parts and characteristics and are functionally and commercially interchangeable with the goods being valued having regard to the quality and reputation of the goods and the goods being valued;

P.U. (A) 507.

2730

- (b) were produced in the country in which the goods being valued were produced; and
- (c) were produced by or on behalf of the person who produced the goods being valued,

but does not include imported goods where engineering, development work, artwork, design work, plans or sketches undertaken in Malaysia were supplied, directly or indirectly, by the buyer of those imported goods free of charge or at a reduced cost for use in connection with the production and sale for export of those imported goods;

"sufficient information" in respect of the determination of any amount, difference or adjustment, means objective and quantifiable information that clearly establishes the accuracy of the amount, difference or adjustment;

"transaction value" means the value determined under regulations 4 and 5.

(2) For the purposes of regulation 4, where the degree of relationship is relevant, the proximity of blood or collateral descendants in the relationship shall be determined by taking a step, upward or downward, or both upward to a common ancestor and downward from such ancestor.

(3) For the purposes of regulations 4, 6 and 7, the sale of goods for export to Malaysia shall be the last contracted sale prior to importation of the goods into Malaysia and the buyer of the said goods is in Malaysia.

(4) For the purposes of these Regulations, persons shall be deemed to be related only if—

- (a) they are officers or directors of one another's business;
- (b) they are legally recognised partners in business;
- (c) they are employer and employee;
- (d) any person directly or indirectly owns, controls, or holds five per cent or more of the outstanding voting stock or shares of both of them;
- (e) one of them directly or indirectly controls the other;
- (f) both of them are directly or indirectly controlled by a third person;
- (g) together they directly or indirectly control a third person; or
- (h) they are members of the same family.

(5) For the purposes of these Regulations, persons shall be deemed to be members of the same family if—

- (a) they are connected by blood relationship within the fourth degree of relationship;
- (b) they are married to one another or if one is married to a person who is connected within the fourth degree of relationship to the other; or

- (c) one has been adopted as the child of the other or as a child of a person who is within the third degree of relationship to the other.

(6) For the purposes of these Regulations, where there are no goods that were produced by or on behalf of the person who produced the goods being valued and are identical goods or similar goods, goods that were produced by or on behalf of a different person and that are otherwise identical goods or similar goods shall be deemed to be identical goods or similar goods, as the case may be.

(7) For the purposes of these Regulations, charges for interest under a financing arrangement entered into by the buyer and relating to the purchase of imported goods shall not be regarded as part of the customs value in any case where—

- (a) the charges are distinguished from the price actually paid or payable for the goods;
- (b) such goods are actually sold at the price declared as the price actually paid or payable; and
- (c) the buyer, if required, can demonstrate that—
 - (i) the financing arrangement was made in writing; and
 - (ii) the claimed rate of interest does not exceed the level for such transactions prevailing in the country where, and at the time when, the finance was provided.

Order of application of rules of valuation

3. (1) Subject to subregulation (2), the customs value of imported goods shall be valued on the basis of the transaction value of the goods as the primary basis of valuation as set out under regulation 4.

(2) Where the proper officer of customs is of the opinion that the customs value of the goods cannot be valued under subregulation (1) due to the fact that—

- (a) the proper officer of customs has reason to doubt the truth or accuracy of the declared customs value and after having sought further explanation or other evidence that the declared customs value represents the total amount actually paid or payable for the imported goods, the proper officer of customs is still not satisfied that the customs value can be determined under regulation 4; or
- (b) where any adjustment under regulation 5 cannot be made because of the lack of sufficient information,

